Hasil yang diperoleh daripada alam Melayu ialah (ms 52)

- I emas
- II sutera
- III rempah ratus
- IV bedak wangi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV




**Susun Lapis Masyarakat Athens**

5. X dalam rajah di atas ialah golongan

- A helot
- B artisan
- C tentera
- D hamba

(ms 62)



(ms 65)

6	Apakah implikasi daripada pencapaian di atas kepada penganut Hindu?
A	Memperoleh pencerahan agung
B	Menghindari kelahiran semula ke dunia
C	Mendapat mandat tuhan untuk terus hidup
D	Menjelma semula di dunia dalam bentuk jasad

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• dukkha</li> <li>• dorhaka</li> <li>• phala</li> </ul> |
|--|

7 Perkataan-perkataan di atas berkaitan dengan pengaruh bahasa (ms 93)

- A Pali
- B Sanskrit
- C Arab
- D Jawa

8 Antara berikut, yang manakah merupakan sumbangan khalifah di bawah sehingga digelar sedemikian? (ms 145-146)

Khalifah Abu Bakar r.a digelar Penyelamat Umat Islam
--

- I Menghapuskan nabi-nabi palsu
- II Mengumpulkan tulisan al Quran
- III Menyebarkan Islam ke wilayah Rom
- IV Menyusun semula sistem ketenteraan

- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 9 Mengapakah Khalifah Umar memisahkan Jabatan Kehakiman daripada jabatan lain ? (ms 146)
- A Mendapat pengiktirafan
  - B Mengelakkan salah laku
  - C membanteras gejala rasuah
  - D Mendapatkan sokongan padu rakyat
- 10 Apakah tujuan Khalifah Ali meminta Gabenor al-Asytar mengikat perjanjian dengan golongan Zimmi? (ms 148)
- A Membina sistem pengairan
  - B Mengenakan kutipan jizyah
  - C Memantapkan sistem pentadbiran
  - D Melatih orang tempatan sebagai tentera
- 11 Mengapakah kerajaan Bani Umayyah memperkenalkan sistem hijabah? (ms 151)
- A Mengawal keselamatan khalifah
  - B Mengukuhkan sistem pentadbiran
  - C Memperkuatkan pertahanan negara
  - D Mengemaskinikan sistem pertahanan
- 12 Apakah kejayaan yang dicapai oleh kerajaan Umayyah dalam bidang pertanian? (ms 154)
- A Penciptaan baja tiruan
  - B Penerokaan kawasan tanah terbiar
  - C Penyelidikan menghasilkan benih yang berkualiti
  - D Penciptaan peralatan moden untuk pembajakan tanah

- 13 Apakah kepentingan pepatah berikut dalam pendidikan tidak formal masyarakat Melayu tradisional? (ms 201)

Siakap senohong gelama ikan duri,  
Bercakap bohong lama-lama mencuri

- A Mengekalkan sastera lisan  
B Mengajar membina pantun  
C Menerap unsur pengajaran  
D Menentukan bentuk hukuman
- 14 Nazam merupakan kesenian yang terkenal di Terengganu. Syair tersebut dimainkan semasa majlis (ms 207)

- I berkhatan  
II pertabalan  
III bertunang  
IV perkahwinan

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 15 Sistem sukat dan timbangan yang digunakan dalam urusan jual beli rempah ratus di bawah ialah (ms 209)

- Buah pala
- Bunga cengkih

- A Kati  
B Tahil  
C Dacing  
D Bahara

- 16 Jason ialah tuan tanah yang mendapat perlindungan daripada raja. Apakah yang harus dilakukan oleh Jason sebagai tukaran kepada perlindungan yang diberikan oleh raja? (ms 215)

- A Mentaati perintah raja  
B Membayar cukai kepada raja  
C Membantu mengawal keselamatan raja



D Menyerahkan sebahagian daripada hasil pertanian kepada raja

17 Apakah faktor yang mendorong kuasa Portugis menjelajah ke Timur?  
(ms 224)

- I Menguasai bijih timah
- II Mendapatkan rempah ratus
- III Menyebarkan agama Kristian
- IV Memperkenalkan tanaman baru

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Maklumat di bawah berkaitan dengan Revolusi Pertanian di Eropah

Sebelum tahun 1761, tuan tanah di Britain menghadapi masalah untuk mengusahakan pertanian secara besar-besaran.

18 Apakah halangan yang dihadapi oleh tuan tanah di atas ? (ms 227- 228)

- A Ketiadaan modal
- B Kekurangan kemahiran
- C Kesukaran mendapatkan buruh
- D Kelemahan sistem pemilikan tanah

19 Apakah tujuan pihak British memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu?  
(ms 260)

- I Memudahkan pemindahan milik tanah
- II Memodenkan sektor pertanian tradisional
- III Menghindarkan tanah dijual kepada orang asing
- IV Melindungi kepentingan ekonomi kerajaan penjajah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1922 adalah bertujuan untuk (ms 265)

- A menjadi institusi lanjutan sekolah rendah anak-anak Melayu
- B membebaskan kawalan British terhadap pendidikan rendah
- C mengalihkan perhatian masyarakat kepada bidang pendidikan
- D meningkatkan golongan elit dalam pendidikan vernakular Melayu

21 Apakah kesan kedua-dua akta di bawah ? (ms 11)

Sewaktu menguasai Burma, British telah memperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma dan Akta Perkampungan Burma.


- A Pemantapan kuasa raja
- B Pentadbiran tradisional lenyap
- C Pengaruh bangsawan semakin kukuh
- D Pengekalan sistem pentadbiran daerah

22 Apakah kesan daripada tindakan penjajah di bawah? (ms 15)

Penjajah Barat melonggarkan kemasukan imigran ke Asia Tenggara

- A Rusuhan kaum
- B Ketidakseimbangan politik
- C Perpindahan penduduk asal
- D Penguasaan ekonomi oleh golongan pendatang

- 23 Rajah di bawah menerangkan faktor penentangan pemimpin tempatan terhadap British.



- Apakah X? (ms 32)
- A Paksaan bayaran ufti
  - B Pembinaan balai polis
  - C Pencabulan adat tradisi
  - D Pengenalan pelbagai jenis cukai
- 24 Apakah faktor penduduk tempatan di Perak menentang J.W.W Birch? (ms 37)
- I Memperkenalkan sistem cukai
  - II Mengekalkan sistem perhambaan
  - III Menguasai kawasan perlombongan
  - IV Memungkiri fungsinya sebagai penasihat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 25 Apakah peranan golongan Nik dan Wan dalam membantu mengukuhkan kewibawaan Sultan Muhammad II ( 1836-1886 ) di Kelantan ? (ms 83)
- A Mengetuai urusan diplomatik
  - B Menjadi pembesar di peringkat jajahan
  - C Menjadi penasihat Sultan dalam pentadbiran
  - D Memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi
- 26 Mengapakah Sultan Zainal Abidin III meluluskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu? (ms 84)
- A Mengekalkan pembesar tradisional
  - B Menyekat peluasan kuasa British
  - D Menyeragamkan pentadbiran diraja
  - C Mengukuhkan pengaruh golongan agama

27 Antara berikut faktor manakah yang mempengaruhi Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), menyokong Malayan Union? (ms 100)

- I Menghapuskan sistem feodal
- II Dasar sama rata
- III Pengekalan institusi raja
- IV Mendukung sistem republik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Kaum imigran boleh memohon kerakyatan di bawah dengan syarat (ms 120)

Kerakyatan Negeri 1951

- I lahir di Tanah Melayu
- II fasih berbahasa Melayu
- III berpendidikan Melayu atau Inggeris
- IV ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dalam proses kemerdekaan Tanah Melayu? (ms 130)

- A Meningkatkan pelaburan Barat
- B Menentukan dasar pengagihan kekayaan negara
- C Mendukung prinsip kesamarataan pelbagai kaum
- D Memberi hak mutlak kepada rakyat mentadbir negara

30 Maklumat di bawah berkaitan pembentukan Malaysia dari segi politik.

<b>Kestabilan Politik Rantau Asia Tenggara</b>
• X
• Keselamatan
• Kemerdekaan

X merujuk kepada (ms 138)

- A penduduk
- B dekolonisasi
- C perpaduan kaum
- D semangat kerjasama

31 Mengapakah British bersetuju dengan penubuhan Malaysia? (ms 140)

- I Menyatupadukan bangsa
  - II Menyeragamkan pentadbiran
  - III Membendung pengaruh komunis
  - IV Memastikan kepentingan mereka di Singapura terkawal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

32 Rajah di bawah menunjukkan pihak yang menyokong kemasukan Singapura dalam Gagasan Malaysia.

X	-	Menyokong
---	---	-----------

Apakah X? (ms 141)

- A Barisan Sosialis
- B Parti Tindakan Rakyat
- C Parti Kebangsaan Singapura
- D Majlis Undangan Negeri Singapura

33 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 turut mengiktiraf Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah di peringkat negara dan negeri.  
Sistem tersebut dikenali sebagai (ms 161)

- A Republik
- B Monarki Mutlak
- C Raja Berperlembagaan
- D Sistem Pembesar Empat Lipatan

34 Maklumat di bawah menggambarkan wujudnya hubungan dua hala antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri

*Menjamin kerjasama, kesepakatan dan keadilan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.*

Sebagai Perdana Menteri Malaysia, bagaimanakah prinsip di atas dilaksanakan? (ms 164)

- A Merujuk kepada parlimen
- B Menerima arahan mahkamah
- C Merujuk kepada Perlembagaan Malaysia
- D Menurut perintah Yang di-Pertuan Agong

35 Jemaah Menteri berperanan penting dalam pentadbiran kerajaan Malaysia.  
Antara berikut yang manakah merupakan peranan Jemaah Menteri? (ms 173)

- I Penggubal dasar kerajaan.
  - II Pembuat dasar tertinggi negara.
  - III Melantik Yang Dipertuan Agong
  - IV Menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat.
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 36 Bagaimanakah urusan pentadbiran peringkat negeri di Malaysia dilaksanakan? (ms 187)
- A. Melalui Majlis Raja-Raja
  - B. Merujuk kepada Kabinet
  - C. Mengikut Perlembagaan Negeri
  - D. Menerima arahan Kerajaan Persekutuan

- 37 Dasar di bawah menggambarkan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang maju dan berdaya saing (ms 201)

X
<ul style="list-style-type: none"><li>• Merapatkan jurang ekonomi</li><li>• Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum</li><li>• Menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi</li></ul>

X ialah

- A Wawasan 2020
  - B Dasar Ekonomi Baru
  - C Dasar Pembangunan Nasional
  - D Rancangan Pembangunan Lima Tahun
- 38 Antara berikut yang manakah merupakan objektif Rukun Negara yang digubal pada tahun 1970 ? (ms 211)
- I Mengukuhkan perpaduan
  - II Membina masyarakat progresif
  - III Meningkatkan martabat bangsa
  - IV Memantapkan komponen parti politik
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 39 Antara berikut, yang manakah merupakan Kesan Perang Dunia Kedua? (ms 234)

- I Penubuhan Liga Bangsa
- II Penghapusan sistem beraja
- III Keruntuhan sistem imperialisme Barat

- IV Kewujudan negara-negara baru yang merdeka
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 40 Rancangan Colombo yang diadakan oleh Komanwel bertujuan (ms 244)
- A mempergiatkan hubungan dagangan
  - B mengekalkan keamanan negara anggota
  - C menyediakan bantuan biasiswa pendidikan
  - D meningkatkan pembangunan ekonomi serantau



## Skema Set 2

<b>NO</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>NO</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	A	8	21	B	11
2	D	15	22	D	15
3	A	26&27	23	A	32
4	D	52	24	B	37
5	D	62	25	D	83
6	B	65	26	B	84
7	B	93	27	B	100
8	A	145-146	28	B	120
9	B	146	29	D	130
10	B	148	30	B	138
11	A	151	31	D	140
12	C	154	32	B	141
13	C	201	33	C	161
14	B	207	34	C	164
15	D	209	35	A	173
16	B	215	36	C	187
17	C	224-225	37	B	201
18	D	227-228	38	A	211
19	D	260	39	D	234
20	A	265	40	C	244



SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--



JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN  
UNIT KURIKULUM

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1249/2

# GEMPUR SEJARAH SPM - Set 3

Kertas 2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas Peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
Jumlah			

[Lihat halaman sebelah  
SULIT



**Bahagian A**

[ 40 markah ]

Jawab semua soalan

Sejak tahun 622M sehinggalah pembukaan semula Kota Makkah tahun 630M, beberapa siri peperangan antara orang Quraisy Makkah dengan orang Islam telah berlaku

1 (a) Senaraikan **dua** peperangan yang berlaku di Madinah antara tahun 622 – 630 Masihi

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Berikan **dua** garis panduan yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** sebab Islam membenarkan umatnya berperang.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Nyatakan **dua** bukti bahawa Islam berkembang bukan dengan cara peperangan

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku ?


.....

.....

.....

[2 markah]

2



(a) Apakah kandungan undang-undang syariah kesan pengaruh Islam di Asia Tenggara ?

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(b) Namakan **dua** orang ulama tempatan yang menulis tentang semangat jihad di Asia Tenggara

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(c) Mengapakah ulama menggerakkan semangat jihad di kalangan rakyat tempatan di Asia Tenggara?.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) ..... [3 markah]

(d) Pada pendapat anda apakah kepentingan mendaulatkan undang-undang negara ?

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) ..... [3 markah]



- 3 (a) Namakan **dua** tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Cobbold
- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]
- (b) Berikan **dua** Laporan Suruhanjaya Cobbold.
- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]
- (c) Berikan **dua** cadangan daripada Suruhanjaya Cobbold untuk melindungi kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah.
- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]
- (d) Mengapakah Suruhanjaya Cobbold penting dalam Pembentukan Malaysia?
- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]
- (e) Pada pendapat anda, apakah iktibar yang dapat dipelajari daripada kejayaan pembentukan Malaysia ?
- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

- 4 Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar-dasar pendidikan yang diwujudkan selepas negara kita mencapai kemerdekaan

• Penyata Razak
• Laporan Rahman Talib
• Jawatankuasa Kabinet

- (a) Berikan **dua** cadangan dalam Penyata Razak 1956 yang dijadikan Ordinan Pelajaran 1957.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

- (b) Nyatakan **dua** perubahan yang dicadangkan dalam Laporan Rahman Talib 1960

(i) .....

(iii) ..... [2 markah]

- (c) Kajian Aminudin Baki 1965 telah memperkenalkan sistem persekolahan Aneka Jurusan. Apakah matlamat sistem persekolahan tersebut ?

(i) .....

(i) ..... [2 markah]

- (d) Nyatakan **dua** perkara yang dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 untuk memantapkan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

- (e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah perpaduan boleh dicapai melalui dasar pendidikan ?

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]




**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja*

- 5 (a) .Jelaskan proses penyebaran agama Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara [4 markah]
- (b) Terangkan lima pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan bahasa Sanskrit kepada masyarakat di Asia Tenggara ? [6 markah]
- 6 (a) Masyarakat Melayu mula menggunakan sistem mata wang sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Jelaskan jenis mata wang yang digunakan di Tanah Melayu sejak zaman tersebut hingga awal abad ke 20. [6 markah]
- (b) Kepesatan ekonomi Tanah Melayu telah membawa kepada penubuhan institusi kewangan. Terangkan perkembangan institusi kewangan di Tanah Melayu sehingga awal abad ke 20. [8 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan pengenalan institusi kewangan ke atas ekonomi di negara kita ? [6 markah]
- 7 Rajah di bawah menunjukkan kuasa Barat yang menjajah Filipina



- (a) Nyatakan perubahan sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Sepanyol di Filipina. [8 markah]
- (b) Jelaskan gerakan nasionalisme di Filipina
- (i) Tahap pertama [4 markah]
- (ii) Tahap kedua [4 markah]
- (c) Sebagai warganegara, bagaimanakah anda mengekalkan kedaulatan negara ? [4 markah]

- 8 (a) Jelaskan proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia [7 markah]
- (b) Nyatakan syarat-syarat untuk menjadi calon dan pengundi dalam pilihan raya [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihan raya di Malaysia ? [5 markah]
- 9 (a) Ceritakan peristiwa yang membawa berlakunya Perang Dunia Pertama [10 markah]
- (b) Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama kepada negara yang terlibat [5 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya peperangan? [5 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



***JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN***  
***UNIT KURIKULUM***

---

**PROGRAM GEMPUR SEJARAH SPM 2011**

---

**SKEMA PEMARKAHAN**  
**SET 2**

Soalan	Butiran
1 (a)	<p><b>Senaraikan dua peperangan yang berlaku di Madinah antara tahun 622 – 630 Masihi.</b></p> <p>F1 Perang Badar F2 Perang Uhud F3 Perang Khandak F4 Perang Tabuk</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
1 (b)	<p><b>Berikan dua garis panduan yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan.</b></p> <p>F1 Tidak dibenarkan membunuh orang yang lemah seperti orang tua, F2 kanak-kanak, wanita, orang sakit dan orang yang menyerah diri F3 Tidak dibenarkan membunuh binatang ternakan F4 Dilarang memusnahkan tanam-tanaman F5 Dilarang merobohkan tempat ibadat</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
1 (c)	<p><b>Nyatakan dua sebab Islam membenarkan umatnya berperang.</b></p> <p>F1 Apabila diserang oleh musuh F2 Untuk mencari keamanan F3 Untuk memelihara tempat ibadat F4 Menjaga maruah negara F5 Memelihara daripada kemusnahan harta benda F6 Melindungi orang yang tidak berdosa</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
1 (d)	<p><b>Nyatakan dua bukti bahawa Islam berkembang bukan dengan cara peperangan.</b></p> <p>F1 Nabi Muhammad s.a.w. mengampunkan tawanan Perang Badar F2 Tawanan wanita dan kanak-kanak dibebaskan F3 Tawanan lelaki diberi syarat untuk membebaskan diri mereka iaitu mengajar sepuluh kanak-kanak membaca dan menulis sehingga pandai</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
1 (e)	<p><b>Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan peperangan daripada berlaku ?</b></p> <p>F1 Mengamalkan akhlak yang mulia F2 Saling bertolak ansur F3 Kepimpinan melalui teladan F4 Menghormati hak asasi F5 Mengelakkan isu-isu sensitif dipersoalkan seperti agama, bahasa, institusi pemerintahan F6 (Mana-mana yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>

Soalan	Butiran
2 (a)	<p><b>Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah meninggalkan pengaruh dalam undang-undang dan semangat jihad penduduk tempatan</b></p> <p><b>Apakah kandungan undang-undang syariah kesan pengaruh Islam di Asia Tenggara ?</b></p> <p>F1 Mengendalikan kes jenayah / kecurian  F2 Kes pembunuhan  F3 Urusan pernikahan  F4 Urusan perniagaan  F5 Pembahagian harta pusaka</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
2 (b)	<p><b>Senaraikan ulama tempatan yang menulis tentang semangat jihad di Asia Tenggara</b></p> <p>F1 Syeikh Nurudin al-Raniri  F2 Abdul Rauf Singkel  F3 Syeikh Daud al-Pattani</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
2 (c)	<p><b>Mengapakah ulama menggerakkan semangat jihad dalam kalangan rakyat tempatan?</b></p> <p>F1 Menentang penjajahan Barat  F2 Di Aceh - untuk lindungi kesucian Islam daripada Portugis  F3 Di Jawa, penduduk bersatu di bawah prinsip Islam menentang Portugis dan Belanda  F4 Di Aceh, ulama Syeikh Nurudin al-Raniri dan Abdul Rauf Singkel menulis kitab menerangkan kewajipan berjihad bagi orang Islam  F5 Syeikh Daud al-Pattani memuatkan kitabnya dengan kelebihan berjihad  F6 Beliau menulis surat kepada muridnya untuk berjuang menentang penjajah Siam  F7 Jihad juga merupakan usaha menentang kemiskinan  F8 Orang Islam juga digalakkan berjihad untuk mencapai sesuatu yang sempurna</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 3 x 1 m</b></p>
2 (d)	<p><b>Kepentingan mendaulatkan undang-undang</b></p> <p>F1 Hormati undang-undang  F2 Tidak melakukan kesalahan  F3 Wujud keamanan  F4 Tidak dicabar mana-mana pihak  F5 Negara tidak dijajah  F6 Menjamin kedudukan raja-raja  F7 Wujud perpaduan  F8 Lahir semangat cintai tanah air  F9 Lahir semangat jihad  F10 Mana-mana yang munasabah</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 3 x 1 m</b></p>

Soalan	Butiran
3 (a)	<p><b>Dua tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Cobbold</b></p> <p>F1 Lord Cobbold            F2 Sir Anthony Abell            F3 Sir David Watherston            F4 Dato' Wong Pow Nee            F5 Tan Sri Ghazali Shafie</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
3 (b)	<p><b>Terangkan dua laporan Suruhanjaya Cobbold</b></p> <p>F1 Satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat.            F2 Satu pertiga menyokong dengan syarat.            F3 Satu pertiga menginginkan kemerdekaan terlebih dahulu</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
3 (c)	<p><b>Berikan dua cadangan Suruhanjaya Cobbold</b></p> <p>F1 Perlembagaan Malaysia yang baru berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu            F2 Sabah dan Sarawak diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya            F3 Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan            F4 Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah            F5 Pemberian nama Malaysia kepada Negara baru yang dibentuk            F6 Penentuan tarikh penubuhan Malaysia</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
3 (d)	<p><b>Mengapakah Suruhanjaya Cobbold penting dalam pembentukan Malaysia ?</b></p> <p>F1 Membuktikan majoriti penduduk Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia.            F2 Menafikan tuduhan pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
3 (e)	<p><b>Pada pendapat anda, apakah iktibar yang dapat dipelajari daripada kejayaan pembentukan Malaysia?</b></p> <p>F1 Mengamalkan diplomasi dalam mengatasi masalah. Membuktikan kepemimpinan tokoh tempatan.            F2 Pemimpin sanggup bekerjasama / bertolak ansur demi mencapai kesejahteraan bersama            F3 Kerjasama daripada rakyat penting untuk kejayaan.            F4 Kerjasama serantau/kerjasama antarabangsa penting untuk menjayakan pembentukan Malaysia            F5 Mana-mana yang munasabah</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>

Soalan	Butiran
4 (a)	<p><b>Berikan dua cadangan dalam Penyata Razak 1956 yang dijadikan Ordinan Pelajaran 1957.</b></p> <p>F1 Dua elemen penting untuk menyuburkan semangat perpaduan.            F2 Sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk.            F3 Kurikulum bercorak kebangsaan yang seragam.            F4 Penubuhan dua jenis sekolah rendah iaitu sekolah umum dan sekolah jenis umum.            F5 Sekolah Menengah dibahagikan kepada sekolah menengah Melayu dan sekolah menengah Inggeris.            F6 Penggunaan pengantar bahasa Melayu di Sekolah Umum.            F7 Penggunaan pengantar bahasa Inggeris, Cina dan Tamil di Sekolah Jenis Umum.            F8 Penggunaan pengantar bahasa Melayu di sekolah menengah Melayu.            F9 Penggunaan pengantar bahasa Inggeris di sekolah menengah Inggeris            F10 Mewajibkan Bahasa Melayu dan Bahasa inggeris di semua sekolah.</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
4 (b)	<p><b>Nyatakan dua perubahan yang dicadangkan dalam Laporan Rahman Talib 1960 terhadap sistem pendidikan yang dilaksanakan sebelumnya.</b></p> <p>F1 Mencadangkan penukaran sekolah di peringkat rendah.            F2 Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan.            F3 Sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan.            F4 Pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira keturunan dan agama.            F5 Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa kebangsaan.            F6 Sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada bahasa Melayu.            F7 Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah.            F8 Pelajaran agama Islam diajar di semua sekolah bantuan penuh kerajaan yang mempunyai tidak kurang daripada 15 orang pelajar Islam.            F9 Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan sekira terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar.            F10 Semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
4 (c)	<p><b>Kajian Aminudin Baki 1965 telah memperkenalkan sistem persekolahan Aneka Jurusan. Apakah matlamat sistem persekolahan tersebut ?</b></p> <p>F1 Menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik.            F2 Menyediakan pelajaran sehingga berumur 15 tahun.            F3 Memberikan pelbagai kursus kemahiran            F4 Melahirkan tenaga mahir            F5 Sebagai persediaan untuk pasaran kerja</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>

4 (d)		<p><b>Nyatakan dua perkara yang dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974 untuk memantapkan Dasar Pelajaran Kebangsaan.</b></p> <p><b>F1</b> Memberi penekanan terhadap penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M)  <b>F2</b> Kenaikan darjah secara automatik  <b>F3</b> Penekanan terhadap sekolah vokasional  <b>F4</b> Sukatan pelajaran sekolah swasta  <b>F5</b> Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan  <b>F6</b> Penekanan terhadap kokurikulum dan disiplin sebagai asas perpaduan</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>
4 (e)		<p><b>Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah perpaduan boleh dicapai melalui dasar-dasar pendidikan ?</b></p> <p><b>F1</b> Belajar di sekolah yang sama  <b>F2</b> Menggunakan pengantar yang sama  <b>F3</b> Pelajar daripada kaum berlainan boleh berinteraksi melalui kokurikulum.  <b>F4</b> Menggunakan kurikulum yang sama  <b>F5</b> (Mana-mana yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 2 x 1 m</b></p>



Soalan	Butiran
5 (a)	<p><b>Jelaskan proses penyebaran pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara</b></p> <p>Dibawa oleh Ksyatria</p> <p><b>F1</b> Disebar melalui golongan penakluk dari India membentuk jajahan takluk di Asia Tenggara</p> <p><b>F2</b> Dibawa oleh pedagang/vaisya</p> <p><b>F3</b> Disebarkan oleh golongan Brahmin / pendeta</p> <p><b>F4</b> Penyesuaian aspek kebudayaan India dengan budaya tempatan</p> <p><b>F5</b> Dilakukan oleh pemerintah dengan pemerintah lain</p> <p><b>F6</b> Perdagangan dua hala berkembang pada abad ke 5 S.M. telah memberi ruang lebih luas perdagangan antara India dengan Asia Tenggara</p> <p><b>F7</b></p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 4 x 1 m</b></p>
5 (b)	<p><b>Terangkan lima pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara</b></p> <p><b>F1</b> <b>Mengamalkan sistem pemerintahan beraja</b></p> <p><b>H1a</b> Dipengaruhi oleh sistem beraja dari India</p> <p><b>H1b</b> Bermulanya penggunaan gelaran raja untuk ketua kerajaan</p> <p><b>F2</b> <b>Raja berada di puncak pemerintahan</b></p> <p><b>H2a</b> Di bawahnya terdapat kerabat diraja</p> <p><b>H2b</b> Selepas itu pembesar iaitu Brahmin</p> <p><b>H2c</b> Di ikuti dengan rakyat</p> <p><b>H2d</b> Hamba golongan paling bawah</p> <p><b>F3</b> <b>Raja berkuasa mutlak</b></p> <p><b>H3a</b> Meliputi pentadbiran / hubungan luar / ketenteraan</p> <p><b>F4</b> <b>Perintah raja menjadi undang-undang</b></p> <p><b>H4a</b> Sesiapa melanggar perintah dianggap menderhaka / mereka tidak diampunkan</p> <p><b>H4b</b> Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah</p> <p><b>F5</b> <b>Raja sebagai bayangan tuhan</b></p> <p><b>H5a</b> Rakyat takut menderhaka</p> <p><b>H5b</b> Lahir konsep dewa-raja dalam sistem pemerintahan</p> <p><b>H5c</b> Dipercayai memiliki kesaktian</p> <p><b>F6</b> <b>Lahir unsur mitos dan legenda asal usul raja</b></p> <p><b>H6a</b> Bertujuan mengukuhkan kedudukan dan status</p> <p><b>F7</b> <b>Wujud adat istiadat pertabalan raja</b></p> <p><b>H7a</b> Bertujuan mengukuhkan kedaulatan raja</p> <p><b>H7b</b> Upacara dipimpin oleh golongan Brahmin</p> <p><b>H7c</b> Dapat membezakan kedudukan raja daripada golongan yang diperintah</p> <p><b>F8</b> <b>Raja berkuasa terhadap seluruh alam semesta</b></p> <p><b>H8a</b> Bertujuan menjadi raja terulung</p> <p><b>H8b</b> Mendirikan kompleks kota</p> <p><b>H8c</b> Lambang konsep alam semesta / orde kosmos</p> <p><b>F9</b> <b>Terdapat gelaran-gelaran Hindu dan Buddha</b></p> <p><b>H9a</b> Seperti yuvaraja, pratiyuvaraja, raja kumara, raja putra di peringkat pusat</p> <p><b>H9b</b> Di bawah anak raja terdapat parvanda / senapati sbg ketua pentadbiran pusat</p> <p><b>H9c</b></p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 10 x 1 m</b></p>

Soalan	Butiran
5 (c)	<p><b>Pada pendapat anda, apakah peranan bahasa Sanskrit kepada masyarakat di Asia Tenggara ?</b></p> <p><b>F1</b> Untuk merekodkan ilmu pengetahuan  <b>F2</b> Meningkatkan pencapaian bidang intelek masyarakat  <b>F3</b> Batu bersurat yang dijumpai mengandungi maklumat  <b>F4</b> Tentang agama / Batu bersurat Sungai Mas (Kedah Tua) berkaitan dengan agama Buddha  <b>F5</b> Pemerintahan raja / batu bersurat di Kutei menjelaskan keturunan raja dan undang-undang  <b>F6</b> Memperlihatkan kemahiran asas yang tinggi untuk memahat tulisan pada batu bersurat contohnya inskripsi di Palembang  <b>F7</b> Menunjukkan arahan dan pemberitahuan pemerintah kepada rakyat dalam batu bersurat di Lembah Bujang  <b>F8</b> bahasa keagamaan dalam penulisan kitab dan buku agama  <b>F9</b> bacaan mentera / upacara keagamaan  <b>F10</b> perkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu seperti dosa / duka / derhaka / manusia / pahala / rupa / sengsara  <b>F11</b> bahasa ilmu dan komunikasi kerajaan awal  <b>F12</b> pengaruh dalam kesusasteraan seperti epik Ramayana <b>dan</b> Mahabrata serta Puranas  <b>F13</b> pengaruhnya dalam puisi dan prosa Jawa contohnya Negarakertagama, Sutasoma, Arjunwihaha, Kunjarkarma  <b>F14</b> Penceritaan lisan dan wayang kulit  <b>F15</b> Mahabharata lahir unsur yang diadun dengan unsur tempatan Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Seri Rama  <b>F16</b> Untuk menulis di batu-batu bersurat / candi / monumen</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 6 x 1 m</b></p>
6 (a)	<p><b>Terangkan jenis mata wang yang digunakan di Tanah Melayu sejak zaman tersebut hingga awal abad ke-20</b></p> <p><b>F1</b> Terdapat pelbagai mata wang primitif digunakan di Tanah Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.  <b>C1a</b> Contohnya mata wang emas, perak dan timah dikeluarkan di Melaka semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah di Melaka.  <b>C1b</b> Dinar emas yang digunakan di Kelantan dikenali sebagai Kijang.  <b>C1c</b> Wang emas dan kupang emas digunakan di Terengganu.  <b>C1d</b> Jongkong tampang digunakan di Pahang.  <b>C1e</b> Mata wang katun digunakan di Johor.  <b>C1f</b> Mata wang timah Kedah berbentuk seekor ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin.  <b>F2</b> Pedagang Eropah menggunakan mata wang asing di Tanah Melayu.  <b>C2a</b> Contohnya mata wang Sepanyol.  <b>H2a</b> Mata wang ini digunakan di Negeri-Negeri Melayu dan Negeri Selat.  <b>H2b</b> Mata wang ini bertahan selama 300 tahun.  <b>F3</b> Kerajaan British memperkenalkan wang kertas Negeri-Negeri Selat.  <b>H3a</b> Wang ini dikeluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya Wang yang ditubuhkan pada 1897.  <b>H3b</b> Hanya mata wang ini sahaja yang sah digunakan di Negeri-Negeri Selat.  <b>H3c</b> Mata wang kerajaan Melayu telah terhapus.</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 6 x 1 m</b></p>

Soalan		Butiran
6 (b)	<p><b>F1</b></p> <p><b>H1a</b> <b>H1b</b> <b>H1c</b> <b>H1d</b> <b>H1e</b> <b>H1f</b></p> <p><b>F2</b> <b>H2a</b> <b>H2b</b></p> <p><b>F3</b> <b>H3a</b></p> <p><b>F4</b> <b>H4a</b> <b>H4b</b></p> <p><b>F5</b> <b>H5a</b> <b>F6</b> <b>H6a</b> <b>H6b</b> <b>H6c</b> <b>F7</b> <b>H7a</b></p>	<p><b>Kepesatan ekonomi Tanah Melayu telah membawa kepada penubuhan institusi kewangan. Terangkan perkembangan institusi kewangan di Tanah Melayu sehingga awal abad ke-20</b></p> <p>Kepesatan ekonomi Tanah Melayu mendorong pihak penjajah memperkenalkan institusi kewangan.</p> <p>Bertujuan melicinkan urusan kewangan</p> <p>Institusi kewangan menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelabur.</p> <p>Bank memperkenalkan sistem kewangan moden yang berorientasikan keuntungan.</p> <p>Bank memperkenalkan kadar faedah yang tinggi.</p> <p>Dana dari luar dibawa masuk melalui bank.</p> <p>Bank menjadi agen pembayar kepada pengimport dan pengeksport.</p> <p>Merchantile Bank adalah bank pertama di Tanah Melayu.</p> <p>Bank Eropah mula dibuka di Tanah Melayu selepas Perjanjian Pangkor.</p> <p>Antaranya ialah The Chartered Bank, Hong Kong and Shanghai Bank dan Algemene Bank Nederland.</p> <p>Bank Eropah mengutamakan pedagang Eropah.</p> <p>Pedagang tempatan boleh mendapatkan perkhidmatan bank Eropah melalui orang tengah (komprador).</p> <p>Pemodal tempatan menubuhkan bank mereka sendiri pada awal abad ke-20.</p> <p>Kwong Yik Bank adalah bank tempatan pertama ditubuhkan di Kuala Lumpur.</p> <p>Diikuti oleh Bank of Malaya di Ipoh 1920 dan Ban Hin Lee 1935 di Pulau Pinang.</p> <p>Bank perdagangan ditubuhkan di Sarawak.</p> <p>Antaranya Sarawak Chinese Banking Corporation (1913) dan Ban Chiang Bank</p> <p>Orang Melayu menubuhkan banknya sendiri.</p> <p>Bank Melayu pertama ialah Malay National Banking Corporation (1947) di K. Lumpur</p> <p>Bank ini menubuhkan cawangannya di Temerloh dan Rembau.</p> <p>Bank ini tidak bertahan lama.</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 8 x 1 m</b></p>
6 (c)	<p><b>F1</b> <b>F2</b> <b>F3</b> <b>F4</b> <b>F5</b> <b>F6</b> <b>F7</b> <b>F8</b> <b>F9</b></p>	<p><b>Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan pengenalan institusi kewangan di Tanah Melayu?</b></p> <p>Menjana pertumbuhan ekonomi negara</p> <p>Menyediakan pinjaman kepada pelabur</p> <p>Memajukan industri negara</p> <p>Pengenalan sistem kewangan moden yang berorientasikan kadar faedah yang tinggi.</p> <p>Mempercepatkan kemasukan dana asing</p> <p>Menggalakkan pelaburan asing</p> <p>Mempercepatkan bayaran kepada pengimport dan pengeksport.</p> <p>Melicinkan urusan perdagangan antarabangsa.</p> <p>Meningkatkan keinginan untuk menabung.</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 6 x 1 m</b></p>

Soalan	Butiran
7 (a)	<p><b>Nyatakan perubahan sistem pentadbiran di Filipina kesan penjajahan Sepanyol.</b></p> <p><b>F1</b> Sebelum kedatangan Sepanyol, Filipina terdiri daripada daerah-daerah kecil yang dipanggil barangay</p> <p><b>F2</b> Barangay diperintah oleh golongan datu</p> <p><b>F3</b> Selatan Filipina wujud kerajaan Islam</p> <p><b>F4</b> Selepas kedatangan Sepanyol, sistem pentadbiran berpusat diperkenalkan di Filipina</p> <p><b>F5</b> Peringkat pusat diketuai oleh Gabenaor Jeneral</p> <p><b>F6</b> Pentadbiran wilayah diketuai oleh Ketua Datuk Bandar</p> <p><b>F7</b> Pentadbiran bandar diketuai oleh Gabenor Kecil</p> <p><b>F8</b> Pentadbiran tempatan mengikut Sistem Encomienda</p> <p><b>F9</b> Pemerintah Encomienda dikenali sebagai Encomiendero</p> <p><b>F10</b> Tugas Encomiendero ialah menjaga keamanan, mengutip cukai, dan mengkristiankan penduduk barangay</p> <p><b>F11</b> Sistem Encomienda dibenci kerana mengenakan cukai yg tinggi dan kerahan tenaga</p> <p><b>F12</b> Penyatuan barangay menyebabkan kemerosotan sistem pemerintahan tradisional dan pengaruh golongan datu</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 8 x 1 m</b></p>
7 (b)	<p><b>(i) Jelaskan gerakan nasionalisme tahap pertama di Filipina.</b></p> <p><b>F1</b> Gerakan dakyah pimpinan Jose Rizal</p> <p><b>F2</b> Disokong oleh golongan pertengahan berpendidikan Barat</p> <p><b>F3</b> Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol</p> <p><b>F4</b> Bangsa Filipina diberi hak yang sama seperti bangsa Sepanyol</p> <p><b>F5</b> Diberikan hak kebebasan bersuara</p> <p><b>F6</b> Menubuhkan Liga Filipina</p> <p><b>F7</b> Bertujuan mendesak Sepanyol membuat pembaharuan politik, ekonomi dan sosial</p> <p><b>F8</b> Kerajaan Sepanyol berasa terancam</p> <p><b>F9</b> Jose Rizal ditangkap, dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao, dan dibunuh atas tuduhan terlibat dalam gerakan pemberontakan</p> <p><b>F10</b> Gerakan dakyah berakhir</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 4 x 1 m</b></p> <p><b>(ii) Terangkan gerakan nasionalisme tahap kedua di Filipina</b></p> <p><b>F1</b> Bermula apabila Andres Bonifacio</p> <p><b>H1a</b> menubuhkan Katipunan</p> <p><b>H1b</b> menentang secara radikal</p> <p><b>H1c</b> matlamat menyatukan bangsa Filipina</p> <p><b>H1d</b> mencapai kemerdekaan melalui revolusi</p> <p><b>H1e</b> menggunakan media cetak untuk menyebarkan fahaman revolusi kepada rakyat</p> <p><b>H1f</b> Kalayan merupakan akhbar rasmi</p> <p><b>H1g</b> melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan Sepanyol tetapi gagal</p> <p><b>H1h</b> Katipunan semakin lemah selepas Andres Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aguinaldo</p> <p><b>F2</b> Emilio Aguinaldo</p> <p><b>H2a</b> Anggota Katipunan dan Datuk Bandar di Cavite</p> <p><b>H2b</b> Bersama-sama Andres Bonifacio melancarkan pemberontakan</p> <p><b>H2c</b> dilantik sebagai Presiden Kerajaan Revolusi Filipina (1897)</p> <p><b>H2d</b> Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat untuk mengusir Sepanyol (1898)</p> <p><b>H2e</b> kesannya, penguasaan Amerika Syarikat di Filipina</p> <p><b>H2f</b> Pengisytiharan kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo (1899) tidak disahkan oleh Amerika Syarikat</p> <p><b>H2g</b> Revolusi diteruskan sehingga Aguinaldo ditangkap (1901)</p>

Soalan	Butiran
7 (c)	<p><b>F3</b> Amerika Syarikat membenarkan penubuhan parti politik sederhana  <b>H3a</b> Sergio Osmena dilantik mengetuai Dewan Perhimpunan  <b>H3b</b> Parti Nasional memenangi pilihan raya(1907)  <b>H3c</b> Nasionalis Filipina menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan (1930-an) setelah pucuk pimpinan Amerika Syarikat bertukar kepada pemimpin liberal</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 4 x 1 m</b></p> <p><b>Bagaimanakah mengekalkan kedaulatan negara ?</b></p> <p><b>F1</b> Melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran  <b>F2</b> Menyemai sikap patriotik kepada rakyat  <b>F3</b> Mengeratkan perpaduan rakyat  <b>F4</b> Mengelakkan pergantungan kepada kuasa luar  <b>F5</b> Keberanian yang tinggi  <b>F6</b> Memantapkan ekonomi negara  <b>F7</b> Mewujudkan kestabilan politik  <b>F8</b> Mana-mana jawapan yang munasabah</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 4 x 1 m</b></p>
8 (a)	<p><b>Jelaskan proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia</b></p> <p><b>F1</b> Penetapan tarikh penamaan calon dan pengundian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)  <b>F2</b> Penamaan calon diadakan pada tarikh yang ditetapkan  <b>F3</b> Penyediaan manifesto oleh parti yang bertanding  <b>F4</b> Kempen pilihan raya dilancarkan  <b>F5</b> Pengumuman tentang tempat pengundian dan tempat pengiraan undi oleh SPR  <b>F6</b> Pemberian kertas undi yang mengandungi lambang parti calon yang bakal dipilih kepada pengundi ditempat pengundian  <b>F7</b> Pembuangan undi. Pengundi memangkah calon pilihan raya pada kertas undi an memasukkan kertas undi ke dalam peti undi  <b>F8</b> Pengiraan undi diadakan di tempat yang telah ditetapkan  <b>F9</b> Pengumuman keputusan pilihan raya dibuat oleh Pegawai pilihan raya</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 7 x 1 m</b></p>
8 (b)	<p><b>(i) Nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh calon yang hendak bertanding dalam pilihan raya</b></p> <p><b>F1</b> Warganegara Malaysia  <b>F2</b> Berumur 21 tahun  <b>F3</b> Bermastautin di Malaysia  <b>F4</b> Sempurna Akal  <b>F5</b> Bukan orang yang muflis  <b>F6</b> Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam  <b>F7</b> Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan mahkamah  <b>F8</b> Bertanding atas nama parti atau atas nama individu sebagai calon bebas  <b>F9</b> Mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon  <b>F10</b> Calon dibenarkan berkempen. Tempoh berkempen adalah antara 7-15 hari sahaja</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4x1 markah]</p>

8 (c)		<p style="text-align: center;"><b>(ii) Syarat menjadi pengundi</b></p> <p><b>F1</b> Warganegara Malaysia  <b>F2</b> Berdaftar dalam Senarai Daftar Pemilih  <b>F3</b> Berumur 21 tahun  <b>F4</b> Bermastautin atau tidak bermastautin  <b>F5</b> Tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri  <b>F6</b> Boleh mengundi dalam sebuah kawasan pilihan raya sahaja  <b>F7</b> Anggota pasukan keselamatan, pelajar di luar Negara dan pegawai kerajaan yang bertugas di luar Negara mengundi melalui pos asalkan berdaftar sebagai pengundi</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4x1 markah]</p> <p><b>Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihan raya di Malaysia ?</b></p> <p><b>F1</b> Menepati ciri penting sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen  <b>F2</b> Diadakan untuk memilih wakil rakyat  <b>F3</b> Ahli Dewan rakyat atau Dewan Undangan Negeri  <b>F4</b> Pilihan raya kecil di adakan apabila berlaku kekosongan kerusi di mana- mana kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri  <b>F5</b> Kekosongan berlaku mungkin disebabkan kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan  <b>F6</b> Menentukan bentuk kerajaan dan corak pemerintahan demokrasi melalui pilihan raya  <b>F7</b> Tanggungjawab warganegara mengambil tahu perkembangan politik semasa  <b>F8</b> Melibatkan rakyat dalam proses memilih pemimpin  <b>F9</b> Menjamin kerajaan yang cekap          Mana-mana jawapan yang munasabah</p> <p style="text-align: right;"><b>Mana-mana 5 x 1 m</b></p>

Soalan	Butiran
